

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BERITA HARIAN, SELASA, 9 JUN, 1981

Dr M letak batu asas Wisma Maju UMNO Ipoh

IPOH, Iain — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed akan meletakkan batu asas Wisma Maju UMNO berharga \$14 juta di Jalan Sultan Idris Shah di sini Sabtu ini.

Wisma tersebut setinggi 10 tingkat adalah kepunyaan UMNO Negeri Perak dan Syarikat Maju Perak Sdn. Bhd.

Dalam satu kenyataan hari ini, pegawai seranta majlis perletakan batu asas Wisma Maju UMNO, Encik Arshad Abdullah berkata pembinaan bangunan itu akan dimulakan akhir bulan ini dan dijangka siap awal tahun 1982.

Seramai 1,000 orang pemimpin-

pemimpin UMNO dan Barisan Nasional serta pegawai-pegawai kerajaan dijangka hadir di majlis tersebut.

Timbalan Perdana Menteri akan disambut dengan perarakan hadrah dua rumba manggar yang diketuai oleh Ketua Pergerakan Wanita UMNO Perak Tun Puan Oon Eariah.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga akan memeriksa perbarisan Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO Perak.

Beliau juga akan merasmikan Konvensyen UMNO Perak pada malam itu. — Bernama.

No.

No.